

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan hot spot Wifi Selangorku secara terperinci di dalam kawasan DUN Semenyih.
- b) Apakah pelan tindakan Kerajaan Negeri mengatasi masalah Wifi Smart Selangor yang kebanyakannya gagal berfungsi?

JAWAPAN:

- a) Terdapat sejumlah 50 unit AP terpasang untuk DUN Semenyih. Majoriti 64% adalah menggunakan backhaul berasaskan gentian optik komunikasi. Senarai seperti di bawah:

NO	LOKASI WIFI SMART SELANGOR	BACKHAUL
1.	Klinik Kesihatan Bandar Seri Putra Jalan Seri Putra 1/9 Bandar Seri Putra 43000 Kajang Selangor	UNIFI
2.	Surau Al-Mustaqim Apartment Vista Seri Putra Jalan Seri Putra 2/3 Bandar Seri Putra 43000 Kajang Selangor	UNIFI
3.	Dewan Serbaguna Seri Putra Apartment Vista Seri Putra Jalan Seri Putra 2/3 Bandar Seri Putra 43000 Kajang Selangor	UNIFI
4.	Lobby Clubhouse Apartment Vista Seri Putra Jalan Seri Putra 2/3 Bandar Seri Putra 43000 Kajang Selangor	UNIFI
5.	Kolej Vokasional Kajang Jalan Semenyih Taman Asa Jaya 43000 Kajang Selangor	UNIFI
6.	Kolej Vokasional Kajang Jalan Semenyih Taman Asa Jaya 43000 Kajang Selangor	UNIFI
7.	Kolej Vokasional Kajang Jalan Semenyih Taman Asa Jaya 43000 Kajang Selangor	UNIFI
8.	Kolej Vokasional Kajang Jalan Semenyih Taman Asa Jaya 43000 Kajang Selangor	UNIFI

NO	LOKASI WIFI SMART SELANGOR	BACKHAUL
9.	Kolej Vokasional Kajang Jalan Semenyih Taman Asa Jaya 43000 Kajang Selangor	UNIFI
10.	Kolej Vokasional Kajang Jalan Semenyih Taman Asa Jaya 43000 Kajang Selangor	UNIFI
11.	Kolej Vokasional Kajang Jalan Semenyih Taman Asa Jaya 43000 Kajang Selangor	UNIFI
12.	Kolej Vokasional Kajang Jalan Semenyih Taman Asa Jaya 43000 Kajang Selangor	UNIFI
13.	Klinik Kesihatan Kajang Jalan Semenyih 43000 Kajang Selangor	UNIFI
14.	Koperasi KPM Kolej Professional MARA Jalan Semenyih 43700 Semenyih Selangor	UNIFI
15.	Koperasi KPM Kolej Professional MARA Jalan Semenyih 43700 Semenyih Selangor	UNIFI
16.	Surau Al-Islah Lot 771 Jalan Kesuma 5/12D Bandar Tasik Kesuma 43700 Beranang Selangor	UNIFI
17.	Surau Al-Ihsan Fasa 1H Jalan Kesuma 6/1D Bandar Tasik Kesuma 43700 Beranang	UNIFI
18.	Restoran Ibrahim Maju Taman Pelangi Semenyih 43500 Semenyih Selangor	UNIFI
19.	Surau Al Makmur Bandar Rinching Seksyen 4 Jalan 4/9 43500 Semenyih Selangor	UNIFI
20.	Pizza Hut Semenyih Persiaran Pelangi 43500 Semenyih Selangor	UNIFI
21.	Surau Al-Mustaqim Jalan 5/29 Seksyen 5 Bandar Rinching 43500 Semenyih Selangor	UNIFI
22.	Kafa Integrasi Al Mustaqim Jalan 5/36 Bandar Rinching Seksyen 5 43500 Semenyih Selangor	UNIFI
23.	Dewan Sek KAFA Integrasi Al Mustaqim Jalan 5/34 Bandar Rinching Sek 5 43500 Semenyih Selangor	UNIFI
24.	Dewan Taman Pelangi Semenyih Jalan TPS 2/6A Taman Pelangi Semenyih 43500 Semenyih Selangor	UNIFI
25.	Surau As Syakirin Jalan TPS 4/5 Taman Pelangi 43500 Semenyih Selangor	UNIFI
26.	Surau Ar-Rahman Taman Semenyih Indah 43500 Semenyih Selangor	UNIFI
27.	Restoran Singgahan Rasa Jalan Sri Tanjung 2 43500 Kajang	UNIFI

NO	LOKASI WIFI SMART SELANGOR	BACKHAUL
	Selangor	
28.	Tesco Semenyih No 1 Jalan TPS 1/1 Taman Semenyih Pelangi 43500 Semenyih Selangor	UNIFI
29.	Restoran Haji Tapah No.1 Jalan Seri Putra 3/10 Bandar Seri Putra 43000 Kajang Selangor	UNIFI
30.	Tesco Semenyih No 1 Jalan TPS 1/1 Taman Semenyih Pelangi 43500 Semenyih Selangor	UNIFI
31.	Tesco Semenyih No 1 Jalan TPS 1/1 Taman Semenyih Pelangi 43500 Semenyih Selangor	UNIFI
32.	Balairaya Kampung Tanjung Jalan Tanjung Aman 43500 Semenyih Selangor	UNIFI
33.	Klinik Kesihatan Beranang Jalan Besar 43500 Semenyih Selangor	STREAMYX
34.	Surau Kampung Sesapan Kelubi 43700 Beranang Selangor	STREAMYX
35.	Kedai PLB Kampung Sesapan Kelubi 43700 Beranang Selangor	STREAMYX
36.	Sekolah Rendah Agama Kg Sesapan Batu Minangkabau 43700 Beranang Selangor	STREAMYX
37.	Kompleks Penghulu Beranang Jalan Besar 43700 Beranang Selangor	STREAMYX
38.	Sekolah Rendah Agama Integrasi Beranang Jalan Besar 43700 Beranang Selangor	STREAMYX
39.	Masjid Raja Alang Beranang Jalan Seremban 43700 Beranang Selangor	STREAMYX
40.	Balairaya Kampung Kuala Pajam 43700 Beranang Selangor	STREAMYX
41.	No 4 Kedai PLB Jalan Bukit Kepong 43700 Beranang Selangor	STREAMYX
42.	Masjid Sesapan Batu Rembau Jalan Semenyih 43700 Pekan Beranang Selangor	STREAMYX
43.	Restoran Chik Yong Comey 16-G Jalan Kajang Perdana 2/2 Taman Kajang Perdana 43000 Kajang Selangor	Celcom 3G/4G
44.	Balairaya Kg Kuala Pajam Mukim Beranang 43700 Beranang Selangor	Celcom 3G/4G
45.	Balairaya Kampung Tanjung Jalan Tanjung Aman Kampung Tanjung 43500 Semenyih Selangor	Celcom 3G/4G
46.	Balairaya Kg Rinching Hilir 43700 Beranang Selangor	Celcom 3G/4G

NO	LOKASI WIFI SMART SELANGOR	BACKHAUL
47.	Balairaya Kg Sg Machang Taman Kajang Baru 43000 Semenyih Selangor	Celcom 3G/4G
48.	Perpustakaan Desa Beranang Kompleks Penghulu Mukim Beranang 43700 Hulu Langat Selangor	Celcom 3G/4G
49.	Pusat Khidmat Masyarakat No.13-1 Jalan TPS 1/3 Taman Pelangi Semenyih 43500 Semenyih Selangor	Celcom 3G/4G
50.	Perpustakaan Pekan Semenyih Jalan Besar 43400 Semenyih Selangor	Celcom 3G/4G

b) Untuk makluman YB, Terdapat 3 jenis backhaul yang terpasang untuk WSS:

- Berasaskan gentian optik komunikasi dengan backhaul 30Mbps – 100Mbps
- Berasaskan talian telefon menggunakan teknologi ADSL dengan backhaul 4Mbps – 8Mbps
- Berasaskan teknologi selular 3G dan 4G

Daripada pemantauan kami semasa mengendalikan program ini, kami mendapati hanya kawasan dan hotspot yang tersedia dengan gentian optik komunikasi dan dengan backhaul sekurang-kurangnya 30Mbps sahaja yang berupaya untuk memberikan servis yang memenuhi kadar kepuasan pelanggan. Hotspot dan AP yang selain daripada yang disebut, boleh berfungsi, tetapi ianya terlalu perlahan, tidak boleh menampung pengguna yang ramai, tidak sesuai untuk aplikasi terkini dan tidak mampu untuk memberikan kelajuan yang memuaskan kepada pengguna berdaftar. Ini memberikan persepsi negatif bahawa WSS ini tidak berfungsi.

Sebagai penyelesaian, SMARTSEL telah meminta pembekal perkhidmatan (SP) menambahkan kelajuan dan menaik taraf backhaul untuk lokasi-lokasi tersebut tanpa perlunya ada bayaran tambahan. Jika SP gagal, SMARTSEL akan memindahkan hotspot dan AP tersebut ke kawasan yang lebih bersesuaian. Sebagai langkah terakhir, kami akan menamatkan perkhidmatan tersebut menurut klausa-klausa yang telah tersedia di dalam kontrak perkhidmatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah sumbangan dan tajuk program oleh anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor mengikut DUN sepanjang tahun 2018-2019?
- b) Nyatakan sumbangan mengikut syarikat GLC pada tahun 2018-2019.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : TAHUN MELAWAT SELANGOR

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pelan tindakan untuk pelancongan bagi menghadapi Tahun Melawat Selangor 2021.
- b) Senaraikan projek baru atau baik pulih bagi infrastruktur pembangunan yang akan dilakukan bagi tujuan mencantikkan kawasan pelancongan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah bersedia untuk menjalankan aktiviti promosi sempena penganjuran kempen pelancongan Tahun Melawat Selangor 2021 melalui beberapa pelan tindakan seperti yang berikut:
 - I. Mempelbagaikan sasaran pasaran pelancongan kepada kategori '*Short haul*' – *Destinasi pelancongan domestik dan Asia Tenggara*', '*Medium haul* – *Destinasi Pelancongan Asia, Australia & Afrika*' dan '*Long haul* – *Destinasi Pelancongan Eropah, Amerika Utara dan Amerika Selatan*'.
 - II. Tumpuan utama kepada sektor pelancongan alam semulajadi (*eco*), sukan, perubatan, pendidikan, pelayaran mewah dan agro.
 - III. Menganjurkan kempen pengiklanan melalui platform digital dan atas talian (*Online*).
 - IV. Mempergiatkan penganjuran kempen promosi dalam negara dan luar negara serta meneroka pasaran baru seperti Rusia, Indonesia dan Australia.
 - V. Pembangunan produk pelancongan klusterisasi yang memfokuskan kepada Pelancongan Eko, Pertanian, Sukan, Perubatan, Pendidikan dan Pelayaran Mewah.
 - VI. Penganjuran Acara Pelancongan berskala antarabangsa pada setiap bulan dan sepanjang tahun.
 - VII. Program usahasama bersama penggiat industri pelancongan seperti Hotel, Agensi Pelancongan, Media, Syarikat Penerbangan.
 - VIII. Mengemaskini direktori pelancongan mengikut trend dan perkembangan pelancongan terkini.

IX. Mempromosikan pakej pelancongan bersepadu seperti '*Experiential Tourism*' pakej melalui program Latihan Hos Komuniti Selangor.

- b) Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan telah memperuntukkan dana sebanyak **RM1.5 juta** bagi tujuan menaik taraf projek-projek kecil pelancongan di dalam Negeri Selangor.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun ini Kerajaan Negeri memfokuskan untuk menyiapkan projek menaik taraf Rumah Rehat Sri Berkat di Bukit Fraser yang sedang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf ini masih lagi berjalan dan kini berada di fasa pendawaian kabel elektrik dan urusan pemasangan perkakasan dalaman.

Bagi lain-lain projek baru atau baik pulih. Kerajaan Negeri akan mendapatkan senarai-senarai keperluan projek baru dan baik pulih daripada pihak-pihak yang berkaitan untuk dianalisis keperluannya secara mendalam bagi memastikan projek-projek ini berimpak tinggi dan memberi pulangan yang setimpal kepada pelancongan dan rakyat Negeri Selangor secara amnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KAD PEDULI SIHAT

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah penerima kad peduli sihat mengikut DUN.
- b) Nyatakan kriteria utama pemohon yang dipilih di dalam kawasan DUN yang mempunyai senarai pemohon yang ramai dalam satu DUN tersebut.

JAWAPAN:

- a) Jumlah penerima kad Peduli Sihat setakat 08.03.2020 adalah seperti berikut:

NO	DUN	BILANGAN PENERIMA AKTIF
		(Sehingga 08.03.2020)
N01	SUNGAI AIR TAWAR	700
N02	SABAK	700
N03	SUNGAI PANJANG	1,021
N04	SEKINCHAN	700
N05	HULU BERNAM	700
N06	KUALA KUBU BAHARU	700
N07	BATANG KALI	1,381
N08	SUNGAI BURONG	700
N09	PERMATANG	700
N10	BUKIT MELAWATI	700
N11	IJOK	700
N12	JERAM	700
N13	KUANG	700

NO	DUN	BILANGAN PENERIMA AKTIF
		(Sehingga 08.03.2020)
N14	RAWANG	1,381
N15	TAMAN TEMPLER	1,021
N16	SUNGAI TUA	1,021
N17	GOMBAK SETIA	1,381
N18	HULU KLANG	1,381
N19	BUKIT ANTARABANGSA	1,381
N20	LEMBAH JAYA	1,381
N21	PANDAN INDAH	784
N22	TERATAI	1,031
N23	DUSUN TUA	1,355
N24	SEMENYIH	1,381
N25	KAJANG	1,690
N26	SUNGAI RAMAL	1,381
N27	BALAKONG	812
N28	SERI KEMBANGAN	1,021
N29	SERI SERDANG	1,381
N30	KINRARA	1,690
N31	SUBANG JAYA	1,249
N32	SERI SETIA	1,381
N33	TAMAN MEDAN	1,021
N34	BUKIT GASING	976
N35	KAMPUNG TUNKU	446
N36	BANDAR UTAMA	563
N37	BUKIT LANJAN	1,052
N38	PAYA JARAS	1,021

NO	DUN	BILANGAN PENERIMA AKTIF
		(Sehingga 08.03.2020)
N39	KOTA DAMANSARA	1,235
N40	KOTA ANGGERIK	1,314
N41	BATU TIGA	1,381
N42	MERU	1,021
N43	SEMENTA	1,021
N44	SELAT KLANG	807
N45	BANDAR BARU KLANG	1,381
N46	PELABUHAN KLANG	1,021
N47	PANDAMARAN	1,381
N48	SENTOSA	1,381
N49	SUNGAI KANDIS	1,381
N50	KOTA KEMUNING	1,328
N51	SIJANGKANG	1,021
N52	BANTING	1,021
N53	MORIB	1,021
N54	TANJUNG SEPAT	700
N55	DENGKIL	1,381
N56	SUNGAI PELEK	700
	JUMLAH	59,780

- b) Kriteria utama pemohon yang dipilih di dalam kawasan DUN adalah keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah bawah RM2,000, berdaftar sebagai pemohon Bantuan Sara Hidup (BSH) di bawah kategori pendapatan bawah RM2,000 atau tersenarai sebagai golongan miskin tegar di pangkalan data eKasih, serta sistem kuota yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PERUMAHAN

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini pembinaan Rumah Idaman Rakyat Selangor?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : FOOD BANK

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana keberkesanan projek *Food Bank* ini?
- b) Senaraikan kawasan yang sudah memiliki *Food Bank* dan berapa peruntukan yang telah diberikan untuk projek *Food Bank* ini pada tahun 2019?

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan bagi program *Food Bank* telah berada di peringkat akhir perbincangan dan dijangka akan dilaksanakan pada suku tahun kedua ini. Oleh kerana program *Food Bank* masih di peringkat perancangan, keberkesananannya masih lagi tidak boleh dikenal pasti dan diukur.
- b) Program *Food Bank* ini akan dilaksanakan di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dengan pengkhususan pada keluarga dalam golongan 'urban poor' atau miskin bandar dan sebanyak RM5 juta akan diperuntukkan bagi program ini pada tahun 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : MASALAH PBT

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak PBT mempunyai garis panduan kepada masalah aduan anjing liar?
- b) Senaraikan operasi yang telah dibuat untuk menangkap anjing liar mengikut PBT di Selangor pada tahun 2019.

JAWAPAN:

- a) Untuk Makluman Ahli-ahli yang berhormat selaras dengan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 5 Tahun 2014 menggunakan Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar Di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- b) PBT sentiasa melaksanakan operasi penangkapan anjing liar berdasarkan aduan yang diterima serta menjalankan operasi secara berkala. Bilangan operasi mengikut PBT adalah seperti berikut:-

PBT	BILANGAN OPERASI TANGKAPAN ANJINGTAHUN 2019
MBSA	1056
MBPJ	169
MPK	365
MPAJ	281
MPSJ	430
MPS	40
MPKj	3810

PBT	BILANGAN OPERASI TANGKAPAN ANJINGTAHUN 2019
MPSp	150
MPKL	240
MDHS	24
MDKS	48
MDSB	203

Nota : Sumber Pihak Berkuasa Tempatan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PELABURAN

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pelaburan yang telah berjaya pada suku keempat tahun 2019 dan suku pertama tahun 2020.
- b) Apakah strategi Invest Selangor bagi tahun 2020 untuk mencapai *target* pelaburan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh **Januari hingga September 2019**, sebanyak **232 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM16,430,142,330 (RM16.43 bilion)**. Dari jumlah ini, sebanyak **RM5,257,321,620 (RM5.26 bilion)** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM11,172,820,710 (RM11.17 bilion)** daripada pelaburan asing. Sebanyak **16,795 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan** hasil daripada projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Selangor.

Statistik pelaburan bagi tempoh suku pertama tahun 2020 tidak dapat dinyatakan kerana maklumat pelaburan masih belum diperolehi daripada pihak MIDA.

- b) Dalam usaha menarik pelaburan untuk mencapai sasaran pelaburan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri, pihak Invest Selangor telah merangka berbagai strategi telah digariskan seperti berikut;-

1. Strategi jangka masa panjang:-

- i. Melaksanakan perancangan pelan perancangan strategik sektor perindustrian yang telah diterbitkan.
- ii. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui **Majlis Mesyuarat** yang ditubuhkan seperti;-
 1. Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)
 2. Selangor Halal Council

3. Selangor Aerospace Council
 4. Selangor BioTech Council
- iii. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program misi penggalakkan pelaburan ke luar negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke negara-negara yang berpotensi dan yang telah dikenal pasti.
 - iv. Program promosi melalui media cetak dan elektronik.
 - v. Mewujudkan jaringan hubungan atau networking dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-Dewan Perniagaan dalam dan luar negara).
 - vi. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan.
 - vii. Cadangan pengkelasan kawasan perindustrian mengikut standard kawasan perindustrian luar negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri.
 - viii. Mewujudkan kawasan perindustrian yang selesa dan kondusif berkonsepkan *Managed Industrial Parks*.
 - ix. Penganjuran ekspo dan forum bertaraf antarabangsa.
 - x. Penerbitan buku panduan *Doing Business in Selangor : A Guide Book for Investors*

2. Strategi jangka masa pendek;-

- i. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik.
- ii. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur.
- iii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu-isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.

- iv. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan.
- v. Menyediakan peruntukkan khusus bagi penyelenggaraan kawasan perindustrian di setiap PBT.
- vi. Mengadakan *Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC)* di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

Namun begitu, kesemua strategi yang telah dirangka ini adalah tertakluk kepada situasi semasa dan sebarang pengubahsuaian akan dilakukan terhadap program atau strategi yang telah disusun mengikut keperluan dan keadaan semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PROJEK JEJAMBAT DI PERSIMPANGAN JALAN BROGA KE PEKAN
SEMENYIH CENTRAL**

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan pembinaan jejambat di persimpangan Jalan Broga ke Pekan Semenyih Central?
- b) Nyatakan usaha yang dilakukan bagi tujuan pembinaan jejambat di persimpangan Jalan Broga ke Pekan Semenyih Central bagi tujuan mengurangkan kesesakan jalanraya dan kemalangan di persimpangan ini.

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan fizikal masih belum dijalankan dan pihak pemaju masih di peringkat dokumentasi bagi pembinaan yang akan menghubungkan Jalan Broga ke Pekan Semenyih.
- b) Pihak pemaju dalam proses melantik perunding C&S (Civil & Structure) bagi tujuan penyediaan butiran kerja dan kos projek bagi pembinaan jambatan di Pekan Semenyih yang akan menghubungkan Jalan Broga ke Pekan Semenyih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN JANGKA PANJANG PULAU CAREY

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan pembangunan jangka panjang Pulau Carey (Gugusan Industri Sokongan Pelabuhan dan Maritim) yang akan dilakukan pada tahun ini?

JAWAPAN:

- a) Pulau Carey merupakan antara kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan sesuai dengan lokasinya yang strategik. Antara perancangan pembangunan yang sedang diteliti di peringkat Kerajaan Pusat adalah Projek Pembangunan Pelabuhan (Terminal). Bagi tujuan ini, Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) telah diarahkan melalui keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri (Kabinet) untuk menjalankan Kajian Kebolehlaksanaan Projek Pembangunan Pelabuhan (Terminal) di Pulau Carey, Selangor.

Lanjutan daripada itu, LPK telah pun melantik firma juruperunding untuk menjalankan kajian tersebut yang telah bermula pada bulan Ogos 2019 dan mengambil masa 18 bulan untuk disiapkan. Setelah kajian selesai, hasil penemuan dan cadangan daripada kajian tersebut akan dibentangkan semula di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan arahan selanjutnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PROGRAM KHUSUS PENTERNAK, PETANI DAN NELAYAN NEGERI
SELANGOR**

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program-program khusus kepada penternak, petani dan nelayan di Negeri Selangor bagi meningkatkan ekonomi mereka?

JAWAPAN:

- a) Sektor Pertanian adalah merupakan sektor utama yang diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri khususnya bagi meningkatkan bekalan makanan dan juga pendapatan golongan petani, penternak dan nelayan.

Sehubungan dengan itu, Dasar Pertanian Negeri Selangor telah diwujudkan bagi memastikan ianya boleh dicapai. Dasar tersebut merangkumi perkara-perkara seperti berikut :-

1. Pertanian Bernilai Tinggi;
2. Pemodenan Pertanian;
3. Pemasaran;
4. Pembangunan Agropreneur; dan
5. Agro Pelancongan.

Bagi memastikan dasar tersebut dapat dicapai, satu garis panduan telah diwujudkan iaitu Pelan Trasformasi Pertanian Agro Selangor atau PeTA yang merangkumi 6 perkara penting iaitu :-

1. Dasar Pertanian Negeri Selangor;
2. Sasaran;
3. Inisiatif;
4. Sumber;
5. Gari Masa (*Timeline*); dan
6. Peruntukan.

Dengan wujudnya dasar dan pelan transformasi tersebut, ianya dijangka akan dapat mempertingkatkan hasil pengeluaran dan seterusnya meningkatkan

pendapatan golongan tersebut. Antara program-program yang telah dilaksanakan dan dirancang untuk dilaksanakan adalah seperti berikut :-

1. Program Peningkatan Hasil iaitu program berbentuk pemberian bantuan seperti peralatan, input-input pertanian dan baka ternakan serta penambahan tukun dan unjam di lautan;
2. Program Pemodenan Pertanian yang merangkumi penggunaan drone dan sistem *Internet Of Thing (IoT)* serta penggunaan baja-baja organik yang boleh meningkatkan hasil dan dalam masa yang sama boleh mengekalkan kelestarian;
3. Program Pemasaran yang bertujuan untuk meningkatkan nilai jualan dan mengurangkan kos kepada pembeli seperti Program *Selangor Agro Market (SAM)*;
4. Program Pembangunan Agropreneur iaitu program bagi memperkasakan golongan petani, penternak dan nelayan sedia ada di dalam meningkatkan hasil dan juga mewujudkan lebih ramai golongan tersebut di kalangan generasi muda; dan
5. Program Agro Pelancongan iaitu sebuah program yang bermatlamat untuk meningkatkan hasil pendapatan golongan tersebut melalui aktiviti sampingan seperti *sport fishing*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PERANCANGAN PEMBANGUNAN GUGUSAN-GUGUSAN

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Perancangan Pembangunan Gugusan-Gugusan bagi meningkatkan ekonomi, sosial dan alam sekitar Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun lalu, Kerajaan Negeri Selangor melalui UPEN telah menerbitkan dan mengagihkan *Booklet* Klusterisasi Negeri Selangor Vol.1 yang memaparkan maklumat asas mengenai inisiatif ini. UPEN juga telah mengumpul data di peringkat negeri, nasional dan dunia bagi meneliti kekuatan sedia ada serta sasaran (*forecast*) kluster-kluster yang terlibat untuk membolehkan satu mekanisme ukuran atau *objective setting* ditetapkan terhadap pencapaian kluster. Seterusnya pada tahun ini, satu pelan tindakan bagi tempoh jangka pendek (2019-2021 – 3 tahun) dan jangka panjang (2022-2025 – 4 tahun) akan didokumenkan bagi mengenalpasti program/projek yang berupaya untuk memberi impak kepada ekonomi Selangor serta memudahkan proses pemantauan. Fokus tahun ini akan diberikan kepada Kluster Pertanian, Kluster Industri Aeropolis dan Aeroangkasa dan Kluster Pendidikan.

Untuk makluman semua, bermula dari tahun lepas Kerajaan Negeri memberikan tumpuan yang lebih kepada Kluster Pertanian memandangkan pertanian dan perikanan merupakan sektor yang penting dalam menjamin bekalan makanan atau *food security* rakyat Negeri Selangor. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sektor pertanian tahun 2018 adalah sebanyak 1.4% dengan nilai sebanyak RM 4.6 bilion. Dijangkakan pada tahun 2026, KDNK sektor pertanian Selangor dari segi nilai akan meningkat kepada RM 6 bilion. Peningkatan ini akan disokong oleh pengeluaran hasil produk-produk pertanian yang berteraskan penggunaan teknologi-teknologi moden. Selain itu, penekanan terhadap prinsip *Precision Agriculture* termasuk *Good Agriculture Practices* (GAP) serta pembukaan kawasan-kawasan pertanian baharu dengan penanaman produk pertanian bernilai tinggi (*High Value Agriculture Products*) akan turut diberikan.

Sebagai contoh projek penanaman *Golden Melon* di Selangor Fruit Valley seluas 3 ekar. Penyediaan tapak telah siap sepenuhnya dan proses pelaksanaan akan

bermula tahun ini di mana tempoh pengeluaran hasil akan mula diperolehi dalam tempoh 3 bulan. Pengeluaran hasil dijangka bernilai RM150,000 sekali tuaian dengan harga jualan di pasaran sebanyak RM10-12 setiap kilogram. Dengan tempoh yang singkat, dengan keluasan yang minima, namun hasil yang bakal diperolehi oleh pengusaha boleh mencecah sehingga RM600,000.00 setahun nilai jualan. Oleh yang demikian, saya percaya sektor pertanian selepas ini bukan sekadar meraih pendapatan sampingan malah ianya boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan utama dan mengurangkan kebergantungan kepada bidang pekerjaan yang semakin mengecil khusus kepada generasi muda. Begitu juga dengan klusterisasi yang lain, tumpuan akan diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kluster-kluster tersebut berkembang dan menjana ekonomi setempat.

Industri aeroangkasa terus menjadi agenda utama Kerajaan Pusat dalam mengukuhkan kedudukan negara sebagai penggiat utama industri ini di rantau Asia Tenggara. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) optimis industri aeroangkasa Malaysia akan berkembang antara 10 hingga 15 peratus tahun ke tahun didorong oleh peningkatan dalam aktiviti pembuatan, terutama dalam komponen aerostruktur dan enjin serta penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) termasuk enjin dan komponen aero. Peranan negara dalam rangkaian bekalan aeroangkasa global telah menjadi lebih matang dan kukuh yang meliputi pemain industri global dan tempatan serta syarikat seperti Airbus, Boeing dan Rolls Royce yang kebanyakannya bertapak di Selangor.

Bertitik tolak daripada ini, Kerajaan Negeri Selangor melalui inisiatif Klusterisasi Negeri Selangor di bawah Kluster Industri Aeropolis dan Aeroangkasa komited untuk menjadi antara hab aeroangkasa global dan mengekalkan kedudukannya sebagai peserta utama dalam industri berkenaan di Malaysia. Perjalanan udara global yang semakin meningkat akan memberi impak terhadap sektor aeroangkasa kerana kira-kira 80 peratus penduduk dunia masih belum menggunakan perkhidmatan penerbangan. Sehubungan dengan itu, penting bagi Negeri Selangor untuk mengambil peluang yang ada menerusi pengukuhan koordinasi di antara agensi berkaitan untuk mempromosikan ekosistem aeroangkasa negeri kepada pelabur.

Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu unit khas di bawah Invest Selangor Berhad (ISB) yang dikenali sebagai *Aerospace Industry Coordination Office* (S-DAICO). Penubuhan unit ini bertujuan untuk melaksana dan menyelaraskan cadangan projek-projek pembangunan aeroangkasa di bawah perancangan Pelan Tindakan Hala Tuju Khusus Aeroangkasa 2020-2030 menerusi 30 pelan tindakan yang meliputi 7 inisiatif utama. Unit ini akan turut berperanan sebagai 'front liner'

bagi membantu pemain-pemain industri aeroangkasa dalam penyaluran maklumat, khidmat nasihat serta peluang pelaburan yang boleh diterokai.

Pembangunan berterusan dalam industri ini akan membolehkan Selangor menjadi salah satu hab aeroangkasa global dan kekal sebagai peserta utama dalam industri ini. Sehingga kini, Selangor adalah hab bagi industri aeroangkasa dan penerbangan di Malaysia dengan lebih 70 peratus peserta aeroangkasa beroperasi di Selangor, namun Kerajaan Negeri komited untuk menarik lebih banyak syarikat MRO beroperasi di Selangor dan memperbanyakkan kawasan perkilangan pesawat melalui perundingan dengan syarikat antarabangsa untuk menempatkan operasi mereka di Selangor.

Ke arah menggiat peranan ahli akademik dalam memperkemas agenda Selangor selaku hab pendidikan unggul Malaysia, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menubuhkan Majlis Konsultansi Akademia-Industri Selangor (MKAIS) yang melibatkan Naib-naib Canselor/Presiden Universiti Seluruh Selangor pada tahun 2020. Majlis ini kelak akan berperanan untuk merentas kesalinghubungan ahli-ahli akademik dengan Kerajaan Negeri Selangor dalam aspek penyelidikan, pembangunan sosio-ekonomi serta pembangunan sosiobudaya khususnya dalam merealisasikan agenda Klusterisasi Negeri Selangor melalui segmen kepakaran yang tersedia di setiap Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) ternama di Negeri Selangor. Sejumlah RM 1 juta diperuntukkan dalam bentuk geran penyelidikan yang boleh dimanfaatkan secara dua hala demi menjamin keberkesanan akademia-industri Negeri Selangor.

Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Selangor 2019 telah berjaya dilaksanakan buat julung kalinya yang merangkul lebih 300 penyertaan. Bagi tahun 2020, sejajar dengan usaha merealisasikan agenda Selangor Negeri Pintar Unggul Serantau, sejumlah RM 3 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan RD&I Expo ini dengan fokus baharu yakni penyertaan universiti tersohor serantau seperti Mahidol University, Universitas Indonesia, Institut Teknologi Bandung dan *National University of Singapore* (NUS).

Selain dari tiga (3) kluster yang difokuskan, kluster-kluster lain juga akan terus dipantau pelaksanaannya oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan inisiatif Klusterisasi Negeri Selangor ini secara relatifnya dapat memberi impak yang lebih besar dan cepat serta lebih terancang bagi menjana ekonomi yang mampan, dinamik dan inovatif yang seterusnya dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Negeri Selangor.